

Malayan Law Journal Reports/2007/Volume 8/Chew Ming Thai lwn Nauren bte Abd Manaf - [2007] 8 MLJ 509 - 8 March 2007

10 pages

[2007] 8 MLJ 509

Chew Ming Thai lwn Nauren bte Abd Manaf

MAHKAMAH TINGGI (SEREMBAN)

SULAIMAN DAUD H

RAYUAN SIVIL NO 12-137 OF 2004

8 March 2007

Gantirugi (kecederaan diri atau kematian) -- Kuantum -- Rayuan terhadap kuantum -- Prinsip yang terpakai -- Sama ada hakim bicara meneruskan berdasarkan prinsip yang salah -- Sama ada award adalah terlalu tinggi atau terlalu rendah.

Gantirugi (kecederaan diri atau kematian) -- Kuantum -- Gantirugi khas -- Kehilangan pendapatan suami -- Sama ada isteri berhak ke atas award kehilangan pendapatan suami

Gantirugi (kecederaan diri atau kematian) -- Kuantum -- Gantirugi khas -- Penggunaan lampin dewasa -- Sama ada tuntutan dihidkan secara khusus -- Sama ada kekurangan keterangan berkenaan dengan keupayaan plaintif untuk mengawal pergerakan usus

Gantirugi (kecederaan diri atau kematian) -- Kuantum -- Gantirugi khas -- Kos rawatan akan datang -- Keterangan bahawa keadaan plaintif akan bertambah buruk sehingga terlantar -- Sama ada award untuk rawatan perubatan akan datang adalah sesuai

Responden terlibat dalam satu kemalangan jalan raya dengan kereta yang dipandu perayu. Responden telah mengalami kecederaan dan hakim bicara mendapati perayu bertanggung 100% ke atas kemalangan itu. Hakim bicara telah mengawardkan gantirugi khas, antara lain, bagi kehilangan pendapatan suami, kos kain lampin (pampers), kos pembedahan masa depan dan gantirugi am 'complete paralysis neck below', dan 'loss of amenities'. Perayu telah merayu terhadap keputusan hakim bicara terhadap kuantum tersebut. Responden turut merayu silang ke atas perkara yang sama, dan juga ke atas kos untuk orang gaji yang tidak dibenarkan.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu, dan menolak silang responden, dengan kos:

- (1) Persoalan dalam rayuan ke atas kuantum adalah sama ada hakim perbicaraan telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah atau telah tersalah arah mengenai fakta atau telah tersilap sama sekali dalam menganggarkan kerosakan atau kecederaan yang dialami. Mahkamah rayuan itu mestilah berpuas hati *8 MLJ 509 at 510*
bahawa hakim perbicaraan telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah, atau jumlah yang diawardkan adalah terlalu tinggi atau terlalu rendah (lihat perenggan xx). *Mahmood bin Kalian v Goh Seng Choon & Anor* [1977] 1 MLJ 1 (dirujuk), *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50 (dirujuk), *Tan Kuan Yau v Suhindrlmanl* [1985] 2 MLJ 22 (dirujuk).
- (2) Hakim bicara tersilap mengawardkan gantirugi kehilangan pendapatan suami memandangkan suami plaintif tidak menjadi pihak dalam tindakan ini. Suami responden tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap perayu bagi gantirugi atas kehilangan pendapatan. Gantirugi yang diawardkan dalam

- kes *Liong Thoo Sawiyah* adalah atas nilai perkhidmatan yang diberikan kepada plaintif oleh ibu mertuanya dan bukannya atas kehilangan pendapatan (lihat perenggan xx) *Liong Thoo v Sawiyah & Ors* [1982] 1 MLJ 286 (dibezakan).
- (3) Mengenai gantirugi kos kain lampin (pampers), tiada apa-apa keterangan dokumen atau keterangan perubatan dikemukakan bagi menunjukkan responden tidak dapat mengawal pembuangan najis atau kencingnya untuk memerlukan pampers. Sebarang gantirugi khas hendaklah diplidkan secara spesifik dan dibuktikan dengan ketat *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324 (diikut) (lihat perenggan xx).
 - (4) Keterangan doktor pakar hanya sekadar menyatakan ketidakupayaan responden. Responden juga telah diawardkan gantirugi bagi mengubahsuai rumahnya dengan meratakan tangga dan membina sebuah tandas untuknya bagi menyenangkannya bergerak dengan kerusi roda. Jadi responden masih boleh ke tandas dan tidak memerlukan lampin (lihat perenggan xx).
 - (5) Bagi gantirugi kos pembedahan dan rawatan masa hadapan, tiada apa-apa sebarang keterangan diberikan bagi menunjukkan responden memerlukan pembedahan masa depan atau dia perlu dirawat di hospital dari semasa ke semasa. Penyakit yang dihadapi oleh responden tidak mungkin akan sembuh tetapi hanya akan menjadi lebih buruk. Maka rawatan terbaik baginya adalah melalui 'nursing care' yang telahpun diawardkan. Ubat yang diperlukannya hanyalah untuk menahan sakit dan ubat sampingan yang lain. Rayuan perayu di bawah kepala ini dibenarkan dengan mengurangkan jumlah yang diawardkan. Rayuan silang responden turut ditolak atas alasan yang sama (lihat perenggan xx).
 - (6) Laporan pakar menyatakan kecederaan plaintif semakin tenat dan keadaannya tidak dijangka akan pulih. Kecedarannya akan merebak ke anggota badan yang lain dan dia akan menjadi lumpuh. Tiada apa-apa dalam keterangan menunjukkan bahawa responden telah mengalami lumpuh. Walaupun keadaannya disahkan akan menjadi lebih buruk dan berkemungkinan menjadi 'bedridden' tetapi tidak dinyatakan bila keadaannya akan sampai ke tahap itu. Tiada apa-apa dalam keterangan dan laporan perubatan tersebut yang menyatakan responden akan mengalami tumpuh dari leher ke bawah. Gantirugi berdasarkan 'complete paralysis neck below', dikurangkan. Award 'loss of amenities' juga turut dikurangkan (lihat perenggan xx). *Wong Fook & Anor v Abdul Shukur Bin Abdul Halim (Wong Piang Loy, third party)* [1991] 1 MLJ 46 (folld), *Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors* [1995] 2 MLJ 646 (folld).
 - (7) Jumlah yang diawardkan bagi jagaan masa hadapan adalah hampir sama dengan jumlah yang dituntut oleh responden. Tiada tuntutan berasingan dibuat bagi kos pembantu rumah dan 'nursing care'. jumlah yang diawardkan bagi kehilangan pendapatan hampir sama dengan jumlah yang dituntut. Tiada sebab untuk menaikkan award-award ini dalam rayuan silang responden.

Respondent was involved in a road collision with the car driven by appellant. Respondent had suffered injuries and the trial judge found out that the appellant was 100% liable. Trial judge had awarded special damages, inter alia, for the husband's loss of earnings, cost of napkin, future medical surgery and general damages for 'complete paralysis from neck below' and 'loss of amenities'. Appellant appealed against the trial judge's decision on the said quantum. Respondent on the other hand cross appealed on the same subject matter, and also against cost for the maid which was not allowed.

Held, allowing appellant's appeal, and dismissed respondent's cross appeal with costs:

- (1) The question in this appeal against the quantum was whether trial judge had acted on the wrong legal principles or had misdirected on the facts or erred in estimating the damage and the injuries suffered. The court appealed to must be satisfied that the trial judge had acted on the wrong principles of law, or amount awarded was way too high or too low (see *Mahmood bin Kalian v Goh Seng Choon & Anor* [1977] 1 MLJ 1, *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50, *Tan*

- Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22.
- (2) The trial judge was erred in awarding damages for husband's loss of earning due to the fact that plaintiff's husband was not even a party to this action. Respondent's husband had no cause of action against the appellant for damages and loss of earning. Damages awarded in the case of *Liong Thoo Sawiyah* on value of services which was given to plaintiff by his mother in law and not for loss of earning *Liong Thoo Sawiyah & Ors* [1982] 1 MLJ 286 (distinguished).
 - (3) Regarding the cost of napkin, there was neither documentary evidence nor medical evidence adduced to indicate that respondent was in any way unable to control his shit and urinate and therefore required a napkin. Any special damages shall be pleaded specifically and strictly proven; (see *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324).
 - (4) Evidence by specialist doctor only mentioned about respondent's incapability. Respondent was also awarded damages to renovate his house by levellage staircase and to construct a toilet for him in order to accomodate and help him move easily in his wheel chair. In short, respondent would still be able to commute to his toilet and thus did not require napkin.
- 8 MLJ 509 at 512*
- (5) For medical surgery cost damages and future medical treatment, nothing in the evidence adduced to show that respondent needed future medical surgery and from time to time needed for hospital treatment. Defendant's illness was not even impossible to cure but could be even worse. Therefore the best treatment is by way of 'nursing care' which was duly awarded. The medicine he needed was only pain killer and other supplement medicines. Appellant's appeal under this heading is allowed with reduction in amount awarded. Respondent's cross appeal was therefore dismissed on the similar grounds.
 - (6) Specialist's report provided that plaintiff's injury was getting worse and his condition is not expected to be cured. His injuries will spread to his whole body and will be paralysis. There was nothing in the evidence to show that respondent could become paralysis. However, his condition was confirmed to be even worse and probably would be bedridden but it was not mentioned when his condition is expected to reach to that level. There was nothing in the evidence and from the said medical report suggested that respondent would become paralysis from neck below. Damages based on the complete paralysis neck below, was reduced. Award for loss of amenities was also reduced (see *Wong Fook & Satu lagi v Abdul Shukur Abdul Hallm & Satu* [1990] 1 CLJ 536, *Inderjeet Singh a/I Plara Singh v Mazlan bin Jasman & 2 Ors* [1995] 3 CLJ).
 - (7) The amount which was awarded for future care was almost the same as the amount claimed by respondent. No separate claims was made for house maid cost and nursing care. The amount awarded for loss of income was almost the same as amount claimed. There is no reason to increase the awards in respondent's cross claim.

Nota-nota

Untuk kes-kes rayuan terhadap kuantum, lihat 3(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) paras 666

Untuk kes-kes yang dirujuk

Cunningham v Harrison [1973] QB 9

Inderjeet Singh a/I Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors [1995] 2 MLJ 646

Kirkham v Boughey [1958] 2 QB 338

Lai Chi Kay & Ors v Lee Kuo Shin [1981] 2 MLJ 167

Liong Thoo v Sawiyah & Ors [1982] 1 MLJ 286

Mahmood bin Kalian v Goh Seng Choon & Anor [1976] 2 MLJ 239

Ong Ah Long v Dr S Underwood [1986] 2 MLJ 246

Sundharan a/l Ramasamy & Anor v Loo Soon Mook @ Loo Koon Lay & Anor [1994] 3 CLJ 385

Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22

Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad [1985] 1 MLJ 50

Wong Fook & Anor v Abdul Shukur Abdul Halim (Wong Piang Loy, third party) [1991] 1 MLJ 46

E Lewis (Sivanathan) bagi pihak perayu.

Jerald Gomez (Jerald Gomez & Associates) bagi pihak responden.

8 MLJ 509 at 513

Sulaiman Daud H

[1] Ini adalah rayuan defendan ('perayu') terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen (HMS) yang bijaksana terhadap kuantum yang diawardkan kepada plaintif (responden) dalam satu tindakan kemalangan jalan raya. Responden pula telah memfailkan rayuan silang.

[2] Fakta kes menunjukkan pada 23 Ogos 1998 telah berlaku satu kemalangan jalan raya di antara lori yang dipandu oleh suami responden dengan kereta yang dipandu oleh perayu. Responden yang turut berada dalam lori tersebut telah mengalami kecederaan, dan telah memulakan saman yang dimaksudkan dalam rayuan ini bagi mendapatkan gantirugi am dan gantirugi khas. Selepas perbicaraan penuh HMS yang bijaksana telah mendapati perayu bertanggung 100% atas kemalangan itu, dan selanjutnya telah mengawardkan gantirugi seperti berikut, iaitu:

	Gantirugi khas		
a.	kerosakkan pada motorlori	RM	20,000
b.	kos perbelanjaan hospital	RM	20,088.94
c.	kos perjalanan	RM	2,000
d.	kos kerusi roda	RM	1,500
e.	kos laporan dokumen	RM	684
f.	kos pengubahsuaian rumah	RM	20,000
g.	kehilangan pendapatan suami	RM	33,600
h.	kehilangan pendapatan plaintif	RM	99,000
i.	kos penjagaan masa depan	RM	88,200
j.	kos kain lampin (pampers)	RM	93,600
k.	kos pembedahan masa depan	RM	200,000
	Gantirugi am		
a.	'complete paralysis neck below'	RM	700,000
b.	Loss of amenities	RM	200,000
	JUMLAH	RM	1,478,672.94

Dalam rayuan ini peguam terpelajar perayu telah hanya menumpukan kepada gantirugi-gantirugi yang berikut, iaitu di

bawah gantirugi khas: bagi kehilangan pendapatan suami, kos kain lampin dan kos pembedahan masa depan; dan di bawah ganti rugi am bagi 'paralysis of rt leg and rt hand resulting in complete paralysis neck below' dan 'loss of amenities'. Responden dalam rayuan silangnyanya turut merayu ke atas perkara yang sama, disamping rayuan ke atas kos untuk orang gaji yang tidak dibenarkan.

[2] Bagi rayuan mengenai kuantum dalam kes kemalangan jalan raya soalan yang ditanya ialah sama ada hakim perbicaraan telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah atau telah tersalah arah mengenai fakta atau telah tersilap sama sekali dalam menganggarkan kerosakan atau kecederaan yang dialami [lihat *Mahmood bin Kalian v Goh Seng Choon & Anor* [1977] 1 MLJ 1, *Tay Tong Chew & Anor v Abdul Rahman bin Haji Ahmad* [1985] 1 MLJ 50). Pada lazimnya mahkamah rayuan juga lambat atau keberatan untuk campur tangan atas keputusan hakim perbicaraan hanya atas sebab ia akan memberikan award yang lebih kecil jika ia mendengar kes itu. Bagi mewajarkan untuk campur tangan, mahkamah rayuan itu mestilah berpuas hati bahawa hakim perbicaraan telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah, atau jumlah yang diawardkan adalah terlalu tinggi atau terlalu rendah (lihat *Tan Kuan Yau v Suhindrimani* [1985] 2 MLJ 22). Saya akan menimbangkan rayuan dan rayuan silang pihak-pihak di bawah tiap-tiap kepala yang dibangkitkan.

KEHILANGAN PENDAPATAN SUAMI

[3] Peguam terpelajar perayu menghujahkan HMS telah tersilap apabila mengawardkan gantirugi sedemikian memandangkan suami plaintif tidak menjadi pihak dalam tindakan ini. Rujukan telah dibuat kepada kes *Sundharan a/l Ramasamy & Anor v Loo Soon Mook @ Loo Koon Lay & Anor* [1994] 3 CLJ 385, *Lai Chi Kay & Ors v Lee Kuo Shin* [1981] 2 MLJ 167 di mana mahkamah telah menolak tuntutan bagi kehilangan pendapatan oleh orang yang tidak menjadi pihak dalam tindakan yang berkenaan. Peguam terpelajar responden pula merujuk kepada kes *Liong Thoo v Sawiyah & Ors* [1982] 1 MLJ 286 yang mengikuti kes *Cunningham v Harrison* [1973] QB 942 di mana mahkamah telah membenarkan tuntutan gantirugi plaintif bagi 'nursing service' yang telah diberikan kepadanya oleh ibu mertuanya.

[4] Kes *Lai Chi Kay & Ors v Lee Kuo Shin*, telah mengikuti prinsip yang telah diasaskan dalam kes *Kirkham v Boughey* [1958] 2 QB 338 di mana sepasang suami isteri telah mengalami kecederaan akibat suatu kemalangan jalan raya. Si isteri yang mengalami kecederaan teruk telah ditahan di hospital manakala suaminya hanya mengalami cedera ringan. Si suami yang bimbangkan keadaan isterinya dan mengalami kesukaran untuk menjaga kedua-dua anaknya telah membuat keputusan untuk tidak balik ke tempat kerja asalnya di Afrika tetapi telah memilih untuk bekerja di England dengan gaji yang lebih rendah. Salah satu isu yang dibangkitkan untuk diputuskan oleh mahkamah ialah sama ada, menurut undang-undang, si suami berhak untuk mendapatkan gantirugi atas kehilangan pendapatan berdasarkan perbezaan gaji di tempat kerja asalnya dengan tempat kerja barunya. Dalam hal ini Lord Diplock J, berkata di ms 342:

... However commendable may be the sacrifice made by the relative of an injured person, she has, in my opinion, no remedy in law against the driver of the vehicle which caused the injuries, because the driver owes no duty to her.

[5] Dengan bersandarkan kepada kes-kes yang dirujuk oleh peguam terpelajar perayu di atas, saya mendapati suami responden tidak mempunyai apa-apa kausa tindakan terhadap perayu bagi gantirugi atas kehilangan pendapatan. Kes *Liong Thoo v Sawiyah & Ors* boleh dibezakan kerana dalam kes tersebut gantirugi yang

8 MLJ 509 at 515

diawardkan adalah atas nilai perkhidmatan yang diberikan kepada plaintif oleh ibu mertuanya dan tidak atas kehilangan pendapatan.

KOS KAIN LAMPIN (PAMPERS)

[6] Mengenai gantirugi di bawah kepala ini, peguam terpelajar perayu menegaskan HMS yang bijaksana telah tersilap di sisi undang-undang dalam membuat award ini kerana menurutnya tiada apa-apa keterangan dokumen atau keterangan perubatan dikemukakan bagi menunjukkan responden tidak dapat mengawal pembuangan najis atau kencingnya untuk

memerlukan pampers.

[7] Peguam terpelajar responden dalam rayuan balasnya menegaskan jumlah RM300 sebulan yang diawardkan bagi lampin adalah terlalu rendah dan sepatutnya dinaikkan kepada RM500.

[8] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa gantirugi khas hendaklah diplidkan secara spesifik dan dibuktikan dengan ketat (lihat *Ong Ah Long v Dr S Underwood* [1983] 2 MLJ 324). Dalam mengawardkan gantirugi bagi kos lampin HMS yang bijaksana dalam penghakimannya memberi alasan seperti berikut:

Di dalam kes ini saya dapati bahawa plaintif sememangnya tidak boleh bergerak dan sentiasa bergantung kepada suaminya untuk pembuangan najis. Fakta ini disokong oleh doktor pakar (SP3) yang merawat plaintif.

[9] Setelah meneliti keterangan responden sendiri dan juga keterangan doktor pakar SP3, saya bersetuju dengan peguam terpelajar perayu bahawa tiada keterangan yang menunjukkan responden telah berada ditahap 'inconsistency of bowel and bladder'. SP3 hanya menyatakan ketidakupayaan responden seperti berikut:

Her disability--unable to use her right hand, joint of hand stiff, elbow, stretching causing a lot of pain. Weakness of right leg, pain in the neck and right face. Tears coming out of her eyes.

[10] Seperkara lagi perlu diingat bahawa responden juga telah diawardkan gantirugi bagi mengubahsuai rumahnya dengan meratakan tangga dan membina sebuah tandas untuknya bagi menyenangkannya bergerak dengan kerusi roda. Ini memperkuat lagi dapatan saya bahawa responden masih boleh ke tandas dan tidak memerlukan lampin. Oleh itu saya benarkan rayuan perayu dengan mengetepikan gantirugi yang telah diawardkan di bawah kepala ini. Rayuan silang responden pula sudah semestinya gagal atas alasan yang sama.

KOS PEMBEDAHAN DAN RAWATAN MASA HADAPAN

[11] Dalam mengawardkan gantirugi di bawah kepala plaintif ini, HMS yang bijaksana telah menyatakan dia 'memberikan RM200,000 kepada piaintif untuk pembedahan, rawatan lanjut, kos pendaftaran masuk hospital, kos pakar serta kos perubatan hospital'. Mengenai award ini peguam terpelajar perayu sekali lagi menegaskan butir-butir rawatan yang dinyatakan oleh HMS yang bijaksana tersebut

8 MLJ 509 at 516

tidak disokong oleh apa-apa laporan perubatan. Manakala peguam terpelajar responden pula menegaskan jumlah award RM200,000 itu adalah terlalu rendah dan seharusnya dinaikkan ke RM500,000 memandangkan prognosis responden menunjukkan keadaannya akan bertambah buruk.

[12] Berbalik kepada keterangan doktor pakar SP3. Mengenai prognosis penyakit responden, SP3 menyatakan dia mungkin akhirnya akan menjadi 'bedridden' dan tidak mempunyai apa-apa respons kepada mana-mana ubat. SP3 juga menganggarkan kos ubat yang diperlukan oleh responden bagi mengawal sakitnya adalah kira-kira RM220 sebulan. Saya mendapati tiada apa-apa keterangan diberikan bagi menunjukkan responden memerlukan pembedahan masa depan atau dia perlu dirawat di hospital dari semasa ke semasa. Setelah menimbangkan keterangan dan laporan perubatan responden pada hemat saya penyakit yang dihadapi oleh responden tidak mungkin akan sembuh tetapi hanya akan menjadi lebih buruk. Oleh itu pada pendapat saya rawatan terbaik baginya adalah melalui 'nursing care' yang telahpun diawardkan sebanyak RM88,200. Ubat yang diperlukannya hanyalah untuk menahan sakit dan ubat sampingan yang lain. Lantaran itu saya mendapati jumlah RM200,000 yang diawardkan adalah terlalu tinggi dan berlebihan dan tidak disokong oleh apa-apa pendapat perubatan. Berikutannya saya benarkan rayuan perayu di bawah kepala ini dengan mengurangkan jumlah yang diawardkan daripada RM200,000 kepada RM50,000. Rayuan silang responden turut ditolak atas alasan yang sama.

PARALYSIS OF RIGHT LEG AND RIGHT HAND RESULTING IN COMPLETE PARALYSIS NECK

BELOW, LOSS OF AMENITIES

[13] Dalam menimbangkan gantirugi di bawah kepala ini, HMS yang bijaksana telah berpandukan kepada keterangan doktor pakar SP3 mengenai keadaan penyakit responden. Dalam alasan penghakimannya dia telah menjelaskan keadaan penyakit responden seperti berikut:

Plaintif dalam kes ini mengalami kecederaan berikut:

- (a) paralysis of right hand;
- (b) paralysis of right leg;
- (c) Continuous pain and suffering;
- (d) Deteriorating health condition (permanent);
- (e) Swelling of face and neck.

Disamping itu, saya dapati daripada laporan pakar (P8, muka surat 11 Ikatan C) kecederaan plaintif semakin tenat dan keadaannya tidak dijangka akan pulih. Kecederaannya akan merebak ke anggota badan yang lain dan dia akan menjadi lumpuh. Oleh itu plaintif dalam masa hadapan akan kehilangan penggunaan kedua-dua tangan dan kakinya. Menurut keterangan, pakar plaintif akan menjadi lumpuh dari bahagian leher ke bahagian kaki dan keadaan plaintif tidak akan pulih.

[14] Setelah meneliti keterangan SP3 dan laporan P8, saya mendapati HMS yang bijaksana telah tersilap dalam menilai keadaan kesihatan responden.

8 MLJ 509 at 517

Jika diperhatikan tiada apa-apa dalam keterangan SP3 yang boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan bahawa responden telah mengalami lumpuh dari bahagian leher ke bawah. Keterangan hanya menunjukkan dia tidak boleh menggunakan tangan kanannya dengan ketegangan pada bahagian siku, lemah di bahagian kaki kanan dan sakit di bahagian leher dan kanan muka. Walaupun keadaannya disahkan akan menjadi lebih buruk dan berkemungkinan akan menjadi 'bedridden' tetapi tidak dinyatakan bila keadaannya akan sampai ke tahap itu. Walau apapun tiada apa-apa dalam keterangan dan laporan perubatan tersebut yang menyatakan responden akan mengalami lumpuh dari leher ke bawah.

[15] Atas alasan yang dinyatakan di atas saya mendapati HMS yang bijaksana telah tersilap di sisi undang-undang dan fakta dalam mengawardkan gantirugi berdasarkan 'complete paralysis neck below', dan kesannya gantirugi sejumlah RM700,000 yang diawardkan adaiiah terlalu tinggi. Setelah menimbangkan keadaan kesihatan responden disebabkan kecederaan yang dialami dalam kemalangan itu dan kemungkinan tinggi yang dia akan menjadi 'bedridden', saya kurangkan gantirugi am di bawah kepala ini kepada RM200,000. Dalam membuat award sedemikian saya telah memujuk kepada kes-kes yang telah dirujuk oleh kedua-dua belah pihak termasuk *Wong Fook & Anor v Abdul Shukur Abdul Halim & Anor* [1991] 1 MLJ 46, *Inderjeet Singh a/l Piara Singh v Mazlan bin Jasman & Ors* [1995] 2 MLJ 646 di mana gantirugi dalam lingkungan RM200,000 telah diawardkan bagi quadraplegia.

[16] Saya juga mendapati award sebanyak RM200,000 bagi loss of amenities' adalah terlalu tinggi atas alasan-alasan yang sama seperti di atas. Oleh itu award di bawah kepala 'loss of amenities' juga turut dikurangkan daripada RM200,000 kepada RM100,000.

[17] Selain daripada membuat rayuan silang bagi perkara-perkara yang telah ditimbangkan di atas, rayuan silang responden juga meliputi gantirugi bagi jagaan masa depan, termasuk pembantu rumah dan jururawat, dan kehilangan pendapatan responden. Bagi jagaan masa hadapan jumlah yang telah diawardkan adalah sebanyak RM350 sebulan selama tempoh 21 tahun berjumlah RM88,200 Peguam terpelajar responden menghujahkan responden sepatutnya diawardkan secara berasingan bagi 'nursing care' dan pembantu rumah, dan jumlah bagi jagaan masa hadapan sepatutnya dinaikkan ke RM1,500 sebulan. Bagi rayuan di bawah kepala ini mencukupi bagi saya sekadar menyatakan jumlah yang diawardkan bagi jagaan masa hadapan ini adalah hampir sama dengan jumlah yang dituntut oleh responden sebanyak RM90,000. Begitu juga dalam pernyataan tuntutan responden tiada tuntutan berasingan dibuat bagi kos pembantu rumah dan 'nursing care'.

[18] Berkenaan dengan kehilangan pendapatan responden jumlah yang dituntut adalah RM101,100 manakala jumlah yang diawardkan adalah sebanyak RM99,000, iaitu hampir sama dengan jumlah yang dituntut. Oleh itu tiada sebab bagi saya untuk menaikkan award di bawah kepala ini.

[19] Kesimpulannya atas alasan-alasan yang dinyatakan di atas saya benarkan rayuan perayu dengan kos. Perintah HMS yang bijaksana adalah dipinda setakat yang dinyatakan berikut ini:

- (a) award bagi kehilangan pendapatan suami responden sebanyak RM33,600 diketepikan; *8 MLJ 509 at 518*
- (b) award bagi kos kain lampin (pampers) sebanyak RM93,600 diketepikan;
- (c) award bagi pembedahan dan perubatan masa depan sebanyak RM200,000 diketepikan dan diganti dengan jumlah RM50,000;
- (d) award bagi 'paralysis of right leg and right hand resulting in complete paralysis neck below' sebanyak RM700,000 diketepikan dan diganti dengan jumlah RM200,000;
- (e) award bagi 'loss of amenities' sebanyak RM200,000 diketepikan dan diganti dengan jumlah RM100,000.

[20] Tertakluk kepada pindaan di atas, jumlah gantirugi lain dan faedah yang diawardkan oleh mahkamah perbicaraan dikekalkan dan disahkan.

[21] Rayuan silang responden ditolak tanpa perintah mengenai kos.

Ordered accordingly.

Reported by Sivapragasam Kumaran